

KOD ETIKA EJEN CUKAI

OLEH:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
1. Pengenalan	2
2. Prinsip	3
3. Objektif	3
4. Kod Kelakuan	
4.1. Integriti	4
4.2. Kompetensi	6
4.3. Profesionalisme	7
5. Perkara-perkara Am	7

KOD ETIKA EJEN CUKAI

Kod Etika ini dikeluarkan sebagai etika oleh ejen cukai dalam berurusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dan pembayar cukai.

Ejen cukai di dalam Kod Etika ini adalah merujuk kepada seorang ejen cukai sepertimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 iaitu mana-mana akauntan profesional atau orang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

1. PENGENALAN

Kejayaan Sistem Taksir Sendiri (STS) bergantung kepada keupayaan HASiL, ejen cukai dan pembayar cukai memainkan peranan masing-masing dalam memastikan pematuhan cukai kekal tinggi.

HASiL, dalam menjaga kepentingan kerajaan dan negara, perlu memastikan bahawa pentadbiran cukai langsung dikendalikan secara berkesan dan berteraskan kepada undang-undang semasa dan amalan terbaik.

Ejen cukai, sebagai wakil pembayar cukai, bertanggungjawab dalam memastikan bahawa khidmat percukaian yang terbaik diberikan kepada pelanggan dan pada masa yang sama, menjaga kepentingan pembayar cukai, kerajaan dan negara. Dengan itu, pelaksanaan STS telah memberi ejen cukai peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam bertindak sebagai penasihat dan juru runding kepada pembayar cukai.

Pembayar cukai, sama ada bersendirian atau dengan bantuan ejen cukai masing-masing, bertanggungjawab dalam memastikan rekod yang disimpan adalah lengkap dan teratur, pendapatan yang dilaporkan adalah betul dan cukai yang dibayar adalah apa yang sepatutnya dibayar.

Kod Etika ini diwujudkan dan perlu dipatuhi bagi menjamin bahawa ejen cukai akan memberikan perkhidmatan kepada pelanggannya dan berurusan dengan HASiL berteraskan nilai integriti yang tidak boleh dipersoalkan.

2. PRINSIP

Kod Etika ini berteraskan kepada prinsip-prinsip yang berkaitan dengan integriti, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kecekapan.

Seorang ejen cukai juga mempunyai tanggungjawab sosial terhadap negara secara keseluruhannya. Ejen cukai perlu memberikan nasihat terbaik kepada pelanggannya serta menegaskan kepada pelanggannya tentang kewajipan membayar cukai seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

3. OBJEKTIF

Kod Etika ini bertujuan untuk memupuk amalan percukaian yang baik dengan mengekalkan tahap pematuhan cukai yang tinggi dan representasi untuk mencapai objektif berikut:

- a) Menanamkan amalan profesionalisme di kalangan ejen cukai bagi memastikan semua kerja yang dikendalikan adalah betul dan komprehensif serta dikendalikan dengan adil dan cekap;
- b) Menanamkan semangat kebertanggungjawaban sejajar dengan prinsip / amalan cukai yang berdasarkan undang-undang dan peraturan cukai yang sedia ada;
- c) Mendukung semangat tanggungjawab sosial sejajar dengan moral awam;
- d) Menjadi contoh yang baik (*role model*) kepada pelanggannya; dan

- e) Memberi komitmen dalam memartabatkan integriti dan mencegah kesalahan rasuah dalam setiap yang dilakukan dengan HASiL berhubung pelanggannya.

4. KOD KELAKUAN

Seseorang ejen cukai perlu mematuhi kod-kod etika berikut:

4.1 Integriti

Seorang ejen cukai hendaklah:

- 4.1.1 Berkelakuan baik, jujur, amanah dan telus dalam menjalankan kerjanya dan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya apabila berurusan dengan HASiL. Apabila mengendalikan kes pelanggannya, ejen cukai hendaklah mengemukakan maklumat yang telah disediakan oleh pelanggannya di mana pada pengetahuannya adalah betul dan tepat.
- 4.1.2 Menghormati hak-hak pelanggannya seperti berikut:
 - a) tahap kerahsiaan yang tinggi terhadap segala maklumat yang diberikan kepadanya; dan
 - b) memberi layanan "bahan terkelas" ke atas semua maklumat yang diberikan. Maklumat ini tidak boleh digunakan bagi tujuan lain selain daripada hal-hal percukaian dan tidak boleh dibocorkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran.
 - i) 'Bahan terkelas' bermaksud sesuatu borang nyata / dokumen / maklumat yang diperolehi oleh orang terkelas sepertimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 138(5) ACP 1967.

- ii) "Orang terkelas" bermakna mana-mana orang atau pekerjaanya yang mempunyai kemudahan ke atas bahan terkelas apabila mewakili pelanggan dalam hal-hal percukaian.
- 4.1.3 Memaklum dan menasihati pelanggannya mengenai kemajuan kes secara tepat.
 - 4.1.4 Tidak menyalahgunakan mana-mana wang yang diamanahkan oleh pelanggannya bagi tujuan bayaran cukai. Bukti bayaran cukai hendaklah diberikan kepada pelanggannya sebagai rekod.
 - 4.1.5 Tidak membenarkan nombor kelulusan yang diberikan kepadanya sebagai ejen cukai dipergunakan oleh pihak lain bagi melaksanakan kerja-kerjanya.
 - 4.1.6 Tidak mempengaruhi atau bersubahat dengan pegawai HASiL untuk mendedahkan aktiviti HASiL atau memberi maklumat atau membuat sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan HASiL, kerajaan dan negara.
 - 4.1.7 Tidak menggunakan pengaruh politik atau orang yang berpengaruh atau meminta pelanggannya untuk mendapat pengaruh tersebut bagi mendapat layanan istimewa dari HASiL.
 - 4.1.8 Tidak terlibat dalam apa-apa rancangan atau skim percukaian yang menyalahi ACP 1967 dan boleh menjejaskan hasil negara.
 - 4.1.9 Memastikan dirinya atau mana-mana individu berkaitan dirinya tidak terlibat dengan sebarang aktiviti atau perlakuan rasuah serta memberi komitmen mencegah rasuah dalam semua tindakan yang diambil bagi memenuhi semua keperluan yang dikehendaki dalam berurusan dengan HASiL berhubung pelanggannya dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 termasuk pematuhan kepada seksyen 17A Akta SPRM 2009 (pindaan 2018) dan pelaksanaan Anti-Bribery Management System (ABMS) HASiL.

4.2 Kompetensi

Seorang ejen cukai hendaklah:

- 4.2.1 Sentiasa mengamalkan tahap profesionalisme yang tinggi, kompeten dan berwibawa dalam melaksana kerjanya.
- 4.2.2 Memastikan pengetahuannya dalam bidang percukaian sentiasa dipertingkatkan selaras dengan perubahan undang-undang dan peraturan percukaian terkini.
- 4.2.3 Memastikan kakitangannya terlatih dan mahir dalam hal-hal percukaian dan tugas yang mereka kendalikan memenuhi tahap yang dikehendaki.
- 4.2.4 Memastikan semua maklumat dalam borang nyata yang dikemukakan kepada HASiL adalah berdasarkan maklumat yang diberi atau disediakan oleh pelanggannya. Pengiraan cukai hendaklah berasaskan peruntukan undang-undang.
- 4.2.5 Hanya mengendalikan kes yang beliau mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kebolehan supaya mutu kerja yang baik dikekalkan.
- 4.2.6 Memastikan rayuan ke atas mana-mana taksiran yang dikemukakan mempunyai asas yang kukuh.
- 4.2.7 Memberi jawapan yang tepat dan lengkap kepada pertanyaan HASiL dan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.2.8 Memahami dan menasihati pelanggannya berkenaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta ketetapan dan garis panduan yang HASiL / agensi kerajaan yang berkaitan keluarkan bagi sesuatu kes atau sesuatu tahun.
- 4.2.9 Mengendali hal ehwal percukaian pelanggannya mengikut tatacara pematuhan yang ditetapkan oleh HASiL.

4.3 Profesionalisme

Seorang ejen cukai hendaklah:

- 4.3.1 Memberi nasihat dan menerangkan kepada pelanggannya tentang hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang pembayar cukai di bawah undang-undang percukaian.
- 4.3.2 Menasihati pelanggannya tentang kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang pembayar cukai di bawah undang-undang dan mendidik pelanggannya tentang kepentingan menyimpan rekod secara teratur bagi semua transaksi terutamanya bagi pembayar cukai yang menjalankan perniagaan.
- 4.3.3 Menasihatkan pelanggannya supaya mematuhi peraturan bayaran cukai yang telah ditetapkan.

5. PERKARA-PERKARA AM

- 5.1 Tahap pematuhan kepada Kod Etika ini akan digunakan sebagai salah satu daripada kriteria untuk diperakukan dan pembaharuan kelulusan ejen cukai kepada Kementerian Kewangan Malaysia.
- 5.2 Ejen cukai juga diminta untuk memberikan perhatian kepada perkara berikut:
 - 5.2.1 Hanya ejen cukai yang telah mendapat kelulusan yang sah dari Kementerian Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan untuk berunding dengan pegawai HASiL berkaitan hal ehwal percukaian pelanggannya selaras dengan subseksyen 153(3) ACP 1967.
 - 5.2.2 Staf atau kakitangan firma yang bekerja di bawah seliaan ejen cukai tidak dibenarkan untuk berunding dengan pegawai HASiL bagi pihak ejen cukai kecuali sesi rundingan dihadiri oleh pembayar cukai itu sendiri.

- 5.2.3 Bagi urusan pentadbiran selain percukaian, staf atau kakitangan firma hendaklah mempunyai surat kebenaran atau pengesahan dari ejen cukai apabila berurusan dengan pegawai HASiL (sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian) dan mengemukakannya kepada pegawai HASiL (jika diminta) bagi tujuan semakan.
- 5.2.4 Ejen cukai hendaklah mencatatkan nombor kelulusan dan tarikh sah kelulusan di dalam semua surat-menyurat atau e-mel kepada pihak HASiL.
- 5.2.5 Ejen cukai hendaklah sentiasa mengemas kini hal ehwal percukaianya sendiri. Borang Nyata dan surat / dokumen hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dan cukai dibayar dalam masa yang dibenarkan.
- 5.2.6 Sebagai usaha ke arah memberi perkhidmatan yang lebih efisien, ejen cukai digalakkan menggunakan Sistem TAeF (Tax Agent e-Filing) untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi pihak pelanggannya (bagi Borang Nyata yang telah disediakan secara dalam talian) yang boleh diakses melalui gerbang perkhidmatan MyTax.
- 5.2.7 Ejen cukai perlu memastikan pelanggannya melengkapkan akuan daripada pembayar cukai dalam antaranya, memberi kuasa kepada ejen cukai tersebut untuk memfailkan sebarang borang yang ditetapkan secara elektronik.
- 5.2.8 Ejen cukai hendaklah memaklumkan kepada HASiL sekiranya telah berhenti menjadi wakil seseorang pelanggan. Mana-mana surat dan dokumen yang HASiL tujukan kepada pelanggan berkenaan hendaklah dikembalikan dengan catatan yang sesuai.

5.2.9 HASiL boleh mengemukakan cadangan penarikan balik kelulusan atau penamatan kelulusan atau penamatan kelulusan ejen cukai di bawah subseksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada Kementerian Kewangan sekiranya pihak HASiL mempunyai pengetahuan bahawa ejen cukai disabitkan kesalahan dalam sebarang perlakuan rasuah seperti dinyatakan dalam Akta SPRM 2009 termasuk pematuhan kepada seksyen 17A Akta SPRM 2009 (pindaan 2018) dan pelaksanaan ABMS HASiL atau gagal mematuhi mana-mana kod kelakuan yang telah dinyatakan di dalam Kod Etika ini.

Dikeluarkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

1 Januari 2023